

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 3/2007**

#### **PEMAKAIAN KOD HASIL YANG TEPAT DENGAN JENIS PUNCA HASIL (KEPALA HASIL)**

---

Arahan ini dikeluarkan untuk menjelaskan kepada semua Pentadbir Tanah bahawa Pejabat ini telah diminta oleh Pejabat perbendaharaan Negeri Kelantan supaya pungutan hasil hendaklah diterima mengikut kod hasil yang sesuai dengan punca hasil (kepala hasil) yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan negeri.

2. Sebagai contoh didapati masih terdapat terimaan bayaran Permit Batu Batan (Kod 7110) diterima menggunakan kod 61108 untuk terimaan bayaran Royalti Batu Batan. Keadaan ini menyebabkan tiada hasil dari "Permit Batu Batan" tetapi ada hasil dari "Royalti Batu batan" sedangkan "Royalti Batu Batan" hanya boleh dipungut melalui pengeluaran permit batu batan.

3. Sehubungan dengan itu Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan juga telah menetap kod hasil khusus untuk punca hasil (kepala hasil) "Tunggakan Cukai Taliair" dengna kod 61110. Oleh itu terimaan cukai tali air hendaklah menggunakan kod 61103 manakala terimaan cukai taliair hendaklah menggunakan kod 61110.

4. Pentadbir-pentabir Tanah juga hendaklah memberi perhatian kepada semua jenis terimaan hasil supaya tidak berlaku kesilapan

penggunaan kod hasil dan punca hasil (kepala hasil) bagi mendapat kenyataan terimaan yang tepat bagi setiap punca hasil (kepala hasil).

5. Bersama-sama ini dikembarkan kod hasil dan punca hasil (kepala hasil) yang melibatkan terimaan oleh Pentadbiran Tanah Kelantan.
6. Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

T.T

**(DATO' HJ. MOHD. JAMIL BIN MUHAMED)**  
**PENGARAH TANAH DAN GALIAN**  
**NEGERI KELANTAN**

**KEPADA:**

Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

**SALINAN KEPADA:**

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. YB. Penasihat Undang-undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha (Perumahan)

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
NEGERI KELANTAN,  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,  
**15576 KOTA BHARU.**

FAIL : PTG.KN. 3269 JLD.3 (4)

BERTARIKH : 18 JANUARI 2007